

KHAMIS
11 05
2017

BH

VARSAITI

bhvarsiti@bh.com.my

60 TAHUN
MERENTAS GENERASI 1957-2017

1

INOVASI

Cipta perabot ilham
kuih-muih tempatan

8

KEMBARA

AUYS fokus isu
kelestarian alam sekitar

[FOTO HASRIYASAH SABUDIN / BH]



Nur Atikah gigih memberi tumpuan pada keperluan pengajian dan kedua-dua anaknya pada masa sama.

Nur Atikah A Rahman, 33, turun padang untuk siapkan tugas menjelang bersalin, temu ramah koresponden ketika dalam pantang

Siti Sahara Ariffin, 24, tunggang motosikal ulang-alik 14km ketika sarat mengandung lapan bulan untuk jalani praktikal di sekolah

SEMPENA SAMBUTAN HARI IBU 2017

IBU MUDA DI KAMPUS

➔ Cekal harungi ranjau demi tunai komitmen pada keluarga, pengajian

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Alahan teruk yang dialami setiap hari selama tiga bulan pertama mengandung anak kedua tidak 'mengen-

dalakan' fokus Nur Atikah A Rahman, 33, untuk terus menunaikan komitmennya sebagai pelajar pascasiswazah.

Ibu muda itu bertekad mengatasi cabaran dihadapi secara positif dan menangani kesibukan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Komunikasi Massa di

Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan seimbang.

Berbekalkan kesungguhan dan semangat tinggi, beliau tetap turun padang bertemu koresponden yang menjadi sumber rujukan demi menyiapkan tugas biarpun sarat mengandung ketika itu sebelum bersalin seminggu kemudian.

SEMPENA SAMBUTAN HARI IBU 2017

'Tiada siapa mampu gantikan ibu'

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

"Ibu sangat bernilai dalam hidup saya dan adik-beradik. Beliau adalah tempat kami berkongsi cerita gembira, mengadu masalah dan meminta nasihat. Tiada siapa yang mampu menggantikannya sampai bila-bila."

Demikian mendalamnya kasih pelajar Ijazah Sarjana Sains (Kimia) di Universiti Sains Malaysia (USM), Nurul Syazana Hasmaruddin, 26, pada ibu tersayang, Rofiaah Mat, 54.

Beliau berkata, ibunya cukup mengambil berat perkembangan dan keperluan setiap anak sehingga berjaya membentuk serta membina nilai positif dalam keperibadian mereka.

"Semenjak beliau menjadi ibu tunggal pada 2006, kami adik-beradik menetap bersamanya. Beliau sentiasa berusaha melaksanakan tanggungjawab seorang ibu dan ayah dengan sebaik mungkin.

Tidak pernah merungut

"Beliau sabar mendidik dan tidak pernah merungut berdepan kerneh setiap anak sepanjang

membesarkan kami, malah gigih mencari rezeki sebagai guru supaya tidak bergantung pada orang lain," katanya ketika dihubungi.

Nurul Syazana berkata, hubungan rapat dengan ibu pernah menyebabkannya berada dalam dilema untuk menerima tawaran mengikuti pengajian di universiti kerana tidak sanggup hidup berjauhan daripada insan tercinta itu.

Selepas akhirnya membuat keputusan melanjutkan pelajaran, beliau menghubungi ibu setiap hari untuk bertanya khabar dan saling berkongsi cerita sebagai pengubat rindu.

Nilai amat mulia


Jika ibu kurang sihat, anak ketiga daripada empat adik-beradik itu akan pulang ke kampung di Kota Bharu, Kelantan, untuk menjaga dan memberikan kata-kata semangat agar cepat sembuh.

"Hanya ibu yang benar-benar memahami saya. Ibu sentiasa memberikan kata-kata semangat kepada saya untuk menempuh cabaran kehidupan.

"Nilai seorang ibu amat mulia dan insan paling rapat dengan anak. Kejayaan anak juga bergantung kepada cara didikan mereka," katanya.



Nurul Syazana meraikan kejayaan menggenggam ijazah pertama bersama ibu tersayang.



Nur Atikah sentiasa berfikiran positif supaya tidak tersasar daripada tanggungjawab terhadap kedua-dua pelajaran dan keluarga.



Siti Sahara (kiri) tekun mengulang kaji pelajaran bersama

Buru cita-cita, bantu ekonomi keluarga

← Dari V1

Ketahanan emosi dan mental Nur Atikah ternyata bukan calang-calang apabila beliau meneruskan tugas menemu ramah koresponden secara dalam talian ketika dalam pantang demi menyelesaikan tuntutan pengajian sebaik mungkin pada masa ditetapkan.

"Pada masa sama, saya menjaga bayi yang baru dilahirkan dan anak sulung berusia empat tahun. Memang bukan mudah untuk belajar dan menguruskan keluarga dalam satu masa.

"Keadaan itu banyak menuntut pengorbanan. Lebih-lebih lagi saya tinggal di Sepang, manakala suami, Mohd Nurul Azmi Mohd Hashim pula bertugas di Pulau Pinang. Keluarga juga berada di Pulau Pinang tetapi mereka datang menjenguk dari semasa ke semasa.

"Saya sentiasa berfikiran positif supaya diri tidak tersasar daripada tanggungjawab terhadap pelajaran dan pada masa sama, tidak mengabaikan keluarga," katanya yang selamat bersalin dua bulan lalu.

Kembali ke lapangan pengajian, pelajar semester akhir itu menghantar anak sulung ke taska dan bayi ke rumah pengasuh dari jam lapan pagi hingga lima petang, Isnin hingga Jumaat, sebelum memandu selama sejam ke perpustakaan kampus.

Cekap urus masa

Tempoh kira-kira tujuh jam di perpustakaan digunakan seoptimum mungkin untuk mengulang kaji, membuat rujukan pada jurnal dan mendapatkan maklumat tambahan berhubung pengajian.

"Pernah berlaku ketika menyiapkan pembentangan cadangan tugas, saya menerima panggilan daripada pengasuh yang memaklumkan bahawa bayi mengalami masalah kesihatan.

"Ekoran itu, saya terpaksa bergegas mengambil dan menghantar anak ke hospital. Saya mengambil

cuti khas untuk menjaganya sepanjang empat hari ditahan di wad," katanya.

Bagi Nur Atikah, pendidikan cukup penting untuk membolehkan seorang isteri memperoleh kerjaya yang baik, sekali gus membantu ekonomi suami, dengan menerima sokongan penuh daripada keluarga.

'Pengalaman lasak'

Sementara itu mahasiswa semester akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Siti Sahara Ariffin, 24, turut menempuh 'pengalaman lasak' menjelang kelahiran anak sulung dua bulan lalu.

Ketika sarat mengandung lapan bulan, beliau menunggang motosikal sendirian berulang-alik sejauh 14 kilometer (km) dari rumah sewa ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Geliga, Kemaman, Terengganu, untuk menjalani praktikal sebagai guru pelatih.

Bukan hanya berkorban meredah hujan dan panas demi melaksanakan tanggungjawab itu, beliau turut mendaki tangga untuk ke kelas di tingkat empat bangunan sekolah.

Beliau mengaku bukan mudah berdikari sendirian di negeri orang, tambahan pula berjauhan daripada suami, Mohammad Rashid Mat Rani, 25, dan keluarga yang menetap di Kelantan, namun bersyukur memiliki rakan yang sentiasa mengambil berat.

Azam genggam ijazah

"Jika diikutkan, memang sukar menuntut ilmu dalam keadaan mengandung dan berjauhan daripada keluarga tetapi saya membulatkan tekad untuk menamatkan pengajian dengan cemerlang.

"Saya berazam menggenggam segulung ijazah, sekali gus mencapai cita-cita sejak kecil untuk menjadi guru Bahasa Melayu. Walaupun terpaksa berjauhan dengan bayi yang kini dijaga oleh keluarga di Kelantan, saya akan terus bersemangat untuk belajar," katanya.